

Bahaya menanti penduduk

RAWANG - Penduduk Taman Tun Teja diancam kehadiran ular berbisa selepas pihak kontraktor dikatakan gagal menjalankan kerja pembersihan dan pemotongan rumput di sungai berhampiran kawasan perumahan itu.

Wakil Jawatankuasa Penduduk, Tarmizi Yang berkata, bimbangkan keselamatan diri dan keluarga, dia mengambil inisiatif untuk membersihkan kawasan itu.

Bagaimanapun menurutnya, masalah tidak selesai kerana jajaran sungai panjang meliputi hampir semua unit perumahan di kawasan itu.

“Setiap seminggu atau dua minggu sekali, saya akan memotong rumput di tepi sungai berhadapan dengan rumah untuk mengelak kehadiran haiwan berbisa, namun apa yang saya lakukan ini tidak cukup kerana pembersihan tidak dilakukan secara menyeluruh.

“Masalah sudah diutarakan ke-



Keadaan kawasan perumahan di Taman Tun Teja yang dikatakan tidak dibersihkan mengundang risiko keselamatan.

pada Majlis Perbandaran Selayang (MPS), tetapi tiada tindakan diambil menyebabkan rumput terbiar dan semakin panjang, bukan hanya merosakkan keindahan sungai bahkan menggalakkan pembiakan ular berbisa,” katanya kepada Sinar Harian.

Tarmizi berkata, selain rumput panjang, penduduk juga berdepan

masalah sistem saliran tersumbat apabila kontraktor tidak membersihkan longkang besar dan membiarkan sampah berkumpul.

“Sampah banyak tersangkut pada longkang besar itu menyebabkan saliran terganggu, harap MPS buat kerja pembersihan kerana penduduk membayar cukai taksiran,” katanya.